

CNS0615

U PB 07-11 00166 PW168

bah dem

Mahathir - Azman

PERWAKILAN MESTI HORMATI Pengerusi, XATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan perwakilan parti itu supaya sentiasa menghormati peraturan dan keputusan pengerusi tetap semasa perhimpunan agung bagi memastikan kelancarannya.

Penghormatan itu perlu diberikan walaupun perwakilan tidak suka dengan keputusan yang dibuat oleh pengerusi tetap; katanya.

+Kalau tiada sistem menghormati pengerusi, kita tidak boleh bermesyuarat secara teratur,+ katanya kepada pemberita pada akhir persidangan hari kedua perhimpunan agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri dukacita dengan pertelagahan antara wakil UMNO Wilayah Persekutuan Datuk Azman Attar Othman dan pengerusi tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah semasa, perbincangan usul terima kasih ucapan dasar presiden pagi ini.

Peristiwa itu berlaku selepas Sulaiman menegur Azman supaya mematuhi keputusannya tidak membenarkan cadangan Azman meminta Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak bersalaman dengan Timbalan Presiden Encik Ghafar Baba. -- Lagi

▼07/11/20-01MST

CNS0617

U PB 07-11 00149 PW169

bah dem

Mahathir - Azman 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada kejadian itu 'mencemar tradisi UMNO, beliau berkata itu terpulang kepada anggota parti dan orang ramai membuat tafsiran sendiri.

+Saya tak mahu komen,+ katanya.

Mengenai kemungkinan sesuatu tindakan diambil berhubung peristiwa itu, Dr Mahathir berkata, keadaan seperti itu pernah berlaku beberapa kali sebelum ini.

Mengenai dakwaan yang ditimbulkan oleh wakil UMNO Sabah bahawa ada pemimpin UMNO pusat yang berkunjung ke negeri itu meminta +ibu dan ini uptuk tahun depan+, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada ia berlaku.

+Kita hantar pemimpin dari sini untuk tolong di Sabah, tapi kalau ia berlaku, itu amat mendukacitakan,+ katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak boleh mengharamkan buku-buku politik yang diterbitkan untuk jualan atau edaran percuma setiap kali perhimpunan agung UMNO, kecuali ia mengancam keselamatan negara. -- Lagi

▼07/11/20-04MST

CNS0620

U PB 07-11 0031.9 PW170

BAH DEM

Mahathir - Azman 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kerajaan tidak boleh menghalang sesiapa daripada menulis buku kerana adanya kebebasan berbuat demikian, Bagaimanapun beliau berpendapat bahawa buku-buku politik yang mengandungi maklumat yang tidak betul cuma lebih berminat mengaut keuntungan.

+Saya berpendapat, mereka tidak ada prinsip kerana mencari keuntungan' dengan menimbulkan masalah di mana tidak ada masalah,+ kata beliau.

Dr. Mahathir juga berkata, 'beliau tidak tahu sama ada surat-surat layang yang memfitnah sesetengah pemimpin parti datangnya daripada kalangan UMNO sendiri atau musuh-musuhnya.

Kalau ia datang dari musuh-musuh parti, ia telah berjaya meyakinkan anggota UMNO sendiri bahawa perpecahan wujud dalam parti dan dengan itu tujuan surat itu telah tercapai., katanya.-- Bernama.

07/11/20-17MST